



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 FEBRUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	PROGRAM PERTANIAN BANDAR PERLU KEBENARAN PBT, ISU, BH -5 PERTANIAN BANDAR PERLU KELULUSAN PBT – ZURAIDA, DALAM NEGERI, UM -20 PERLU DAPAT KELULUSAN PBT, NASIONAL, SH -9 PERTANIAN BANDAR BANTU KURANG KOS SARA HIDUP, MINDA PENGARANG, BH -10 KPKT SEDIA BEKERJASAMA RANCAKKAN PROGRAM PERTANIAN BANDAR, NEWS, ASTRO AWANI -7 URBAN FARMING ALLOWED, BUT WITH APPROVAL FROM HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT MINISTRY, NEWS, BORNEO POST -6 ZURAIDA: EMPTY LAND OUTSIDE THE HOUSE CAN BE USED FOR FARMING, MUST BE APPROVED BY LOCAL, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 BAKAL PENYUMBANG UTAMA GEDUNG MAKANAN NEGARA, PENTERNAKAN, BH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
9.	MUSIM MENUJAI TIBA, DALAM NEGERI, UM -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10. 11.	LPP JOHOR BINA PASAR RAYA BESAR JUAL PRODUK TANI, WILAYAH, BH -68 LPP RANCANG WUJUDKAN PASAR RAYA, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -22	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
12. 13	KERBAU BERKUBANG ROSAKKAN PADI, SETEMPAT, SH -36 NANAS TUAIAN EMAS, RUANG PASARAN TERBUKA LUAS, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	BERITA HARIAN	ISU	5

Program pertanian bandar perlu kebenaran PBT

Melaka: Penduduk yang mahu menyertai program pertanian bandar perlu mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan (PBT) terlebih dulu, sekiranya bercadang menggunakan kawasan tanah lapang di taman perumahan bagi tujuan itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata beliau memang menyambut baik langkah kerajaan menggalakkan PBT melaksanakan program itu.

Manfaat tanah

"Pertanian bandar sudah ada dalam Local Agenda 21 (LA21) di semua negeri, yang mana kita menggalakkan tanah di kawasan bandar dimanfaatkan PBT bagi membolehkan cucuk tanam dibuat secara berkelompok atau individu.

"Bagaimanapun, jika ada tanah yang mereka (penduduk) cadangkan (untuk kegunaan pertanian bandar), mesti mendapatkan kelulusan PBT.

"Jika di belakang rumah penduduk sendiri, tidak mengapa, tetapi kawasan lapang (pentadbiran PBT) perlu mendapat kelulusan bagi mengelakkan tanaman haram," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Kad Pintar Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), di sini, semalam.

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew, serta Yang Dipertua MPHTJ, Mahani Masban, turut hadir.

Zuraida mengulas kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Sahahuddin Ayub kelmarin, bahawa PBT digalakkan melaksanakan program pertanian bandar, terutama bagi penduduk di taman perumahan yang ada kawasan terhad untuk bercucuk tanam.

Bayar bil guna kad pintar

Sementara itu, beliau berkata, penggunaan kad pintar yang memperkenalkan sistem pembayaran bil secara elektronik, hasil inisiatif MPHTJ bukan sahaja boleh diperluaskan ke seluruh Melaka, tetapi juga di beberapa negeri lain.

"Mekanisme ini boleh diguna pakai di kawasan luar bandar di negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Selangor kerana ia bukan sahaja memudahkan tetapi juga menjimatkan masa serta kos," katanya.



Jika di belakang rumah penduduk sendiri, tidak mengapa tetapi kawasan lapang perlu mendapat kelulusan"

Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	20



ZURAIKA KAMARUDDIN menyempurnakan Pelancaran Kad Pintar Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di Melaka, semalam.

Pertanian bandar perlu kelulusan PBT – Zuraida

MELAKA 25 Feb. - Penduduk di kawasan perumahan dibenarkan melaksanakan pertanian bandar di tanah lapang di sekitar mereka namun perlu mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) terlebih dahulu, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, langkah itu selaras dengan Local Agenda 21 untuk menggalakkan pelaksanaan pertanian bandar di se-

mua peringkat khususnya di kawasan taman perumahan. Katanya, kelulusan daripada PBT perlu bagi mengelak sebarang masalah berbangkit termasuk penggunaan tanah secara haram.

“Kami di peringkat kementerian tidak mempunyai sebarang masalah terhadap saranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menggalakkan program pertanian bandar terutama bagi penduduk di

kawasan perumahan memanfaatkan tanah di luar kawasan rumah mereka.

“Tanah terbiar di kawasan perumahan seperti di hujung taman boleh dimanfaatkan dengan pertanian bandar daripada ia terbiar menjadi semak-samun dan ia boleh diusahakan secara individu atau berkelompok,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Kad Pintar Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di sini hari ini. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Perlu dapat kelulusan PBT

Setiap projek pertanian bandar melibatkan tanah lapang dalam kawasan perumahan

NOR FARHANA YAACOB

MELAKA TENGAH

Setiap projek pertanian bandar melibatkan tanah lapang dalam kawasan perumahan perlu mendapat kelulusan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kawasan masing-masing.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin berkata, kelulusan itu penting sebagai syarat utama bagi melaksanakan aktiviti gaya hidup sihat selain memastikan penduduk tidak melanggar peraturan yang ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, kementeriannya

menyambut baik saranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menggalakkan program pertanian bandar dengan memanfaatkan serta memaksimumkan penggunaan tanah lapang di kawasan taman sekali gus mengelak masalah tanah terbiar hingga mengundang isu lain termasuk menjadi tempat tinggal habitat berbisa.

Malah, katanya, perancangan berkenaan telah pun dimasukkan dalam Local Agenda 21 (LA21) dan pihaknya berharap amalan itu akan dapat diperluaskan dengan melibatkan komuniti penduduk berskala besar termasuk masyarakat pelbagai bangsa dengan kerjasama PBT

kawasan mereka.

"Kelulusan itu mesti dapatkan dulu, jadi tanah yang mereka cadangkan mesti dapat kelulusan untuk dimanfaatkan dari terbiar dan jadi semak.

"Maka komuniti setempat boleh menguruskan dengan membangunkan dan membudayakan pertanian bandar di taman-taman perumahan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kad Pintar Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) di Ayer Keroh di sini, semalam.

Beliau mengulas galakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub agar PBT galakan pertanian bandar.



Seorang pengguna menunjukkan aplikasi kad pintar yang pertama di negara ini dan dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.



Mahani (tiga, kanan) mengiringi Zuraida (tengah) ketika melancarkan kad pintar MPHTJ di Melaka Mall, Ayer Keroh di sini, semalam.

Dalam pada itu, Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata MPHTJ merupakan PBT pertama di negara ini yang mengaplikasikan kad pintar itu sebagai medium memudahkan pelbagai urusan pelanggan yang boleh dibuat melalui dalam talian.

"Kad pintar yang menggunakan

sistem pembayaran bil secara elektronik wajar diperluas ke seluruh PBT khususnya di negeri-negeri besar seperti Kelantan, Terengganu dan Selangor," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	BERITA HARIAN	MINDA PENGARANG	10

Pertanian bandar bantu kurang kos sara hidup

Kita mengalu-alukan langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk terus menggalakkan konsep pertanian bandar kerana ia berupaya memberi nilai tambah dan sumber pendapatan kepada pengusahanya.

Contohnya, penggunaan teknologi fertigasi dilihat berkesan menjayakan program itu kerana mampu dilaksanakan walaupun di kawasan terhad. Pertumbuhan bandar yang pesat dan jumlah penduduk semakin meningkat menyebabkan kawasan pertanian semakin berkurangan akibat proses perbandaran seperti pembinaan kawasan perumahan, industri dan jalan raya.

Oleh itu, konsep pertanian bandar boleh membantu mengekang kenaikan kos sara hidup dan sekurang-kurangnya penduduk bandar boleh menghasilkan makanan sendiri, menjana pendapatan sampingan, menggalakkan interaksi sosial, meningkatkan kualiti persekitaran dan mesra alam.

Sidang redaksi

Pengarang Kumpulan
Khaidir A. Majid
 qidir@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan
Saidon Idris
 saidon@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, Jala

Headline	KPKT sedia bekerjasama rancakkan program pertanian bandar		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	26 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

KPKT sedia bekerjasama rancakkan program pertanian bandar

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi merancakkan program pertanian bandar khusus di kawasan taman perumahan. Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata program pertanian di kawas...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Urban farming allowed, but with approval from Housing and Local Government Ministry		
MediaTitle	Borneo Post Online(www.theborneopost.com)		
Date	26 Feb 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Urban farming allowed, but with approval from Housing and Local Government

MELAKA: Residents of urban areas are allowed to carry out agricultural activities on land around their neighbourhood once they have obtained approval from the local authorities (LA), Housing and Local Government (KPKT) Minister Zuraida Kamaruddin has said...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Zuraida: Empty land outside the house can be used for farming, must be approved by local		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	26 Feb 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,478
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,434



屋外空地可农耕

祖莱达：须获地方政府批准

(马六甲 25 日讯) 房屋及地方政府部长祖莱达指出，城市居民可在住宅区附近空地进行城市农业计划，惟须获得地方政府批准。

她指此举是符合“21 世纪地方议程”，鼓励全面推行城市农业计划，尤其是在花园住宅区。她说，这必须得到地方政府批准，避免引起任何问题，包括非法使用土地：“房政部对于农业及农基工业部的呼吁是没问题，鼓励城市农业计划特别是住宅区居民善用屋外空地。

“住宅区空地如花园末端，与其荒废长满杂草，可善用进行城市农业，这可以由个人或集体经营。”

祖莱达今日出席汉都亚再也市议会精明卡推介礼后，针对农长拿督沙拉胡丁呼吁地方政府推行城市农场计划一事，这么回应。

住家范围农耕免申请

她补充，若居民是在自己住家范围进行农耕活动，则无需提出申请。

祖莱达也鼓励国内所有地方政府特别是涵盖许多乡区的地方政府使用精明卡机制，方便管理人民事务。

“这精明卡有很多好处，不仅是方便日常事务，还可节省人民时间及成本，因为他们不用亲自到地方政府办公室缴付账单或税务。”

→ PENTERNAKAN

Info

**Projek
Integrasi
Ternakan
Chuping**

→ Bakal jadi penyumbang utama kepada Gedung Makanan Negara dalam tempoh tiga tahun akan datang.

→ Usaha di tapak berkeluasan 646 hektar mampu menempatkan sebanyak 1,200 ekor lembu dan 700 ekor biri-biri dalam satu-satu masa.

→ Penanaman 2,400 mangga harumanis di atas tanah seluas 20 hektar, dijangka keluaran hasil pertama sebanyak 12 tan pertengahan tahun ini.



[FOTO AMRAN HAMID / BH]



Sebahagian lembu yang diternak di Ladang Projek Integrasi Ternakan FELDA Chuping di Kangar. Gambar kanan, Muhammad Iqbal menunjukkan bunga mangga harumanis.

PROJEK INTEGRASI TERNAKAN CHUPING

Bakal penyumbang utama Gedung Makanan Negara



Kandang khas untuk ternakan biri-biri.

→ Projek dilaksana FELDA tumpu usaha biak lembu, biri-biri, mangga harumanis

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

► Kangar

Projek Integrasi Ternakan Chuping (PITC) di sini, bakal menjadi antara penyumbang utama kepada Gedung Makanan Negara (GMN) dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Projek yang diusahakan oleh FELDA sejak 2005, kini memberi tumpuan dalam usaha biak baka lembu jenis Brahman yang dikacuk Charolais, biri-biri jenis White Dorper dan penanaman mangga harumanis. Pengurus projeknya, Dr Muham-

mad Iqbal Ishak, berkata usaha di tapak berkeluasan 646 hektar mampu menempatkan sebanyak 1,200 ekor lembu dan 700 ekor biri-biri dalam satu-satu masa.

Usaha tanam harumanis

Pada masa sama, beliau berkata, pihaknya juga sedang mengusahakan penanaman 2,400 mangga harumanis di atas tanah seluas 20 hektar, yang dijangka mengeluarkan hasil pertamanya sebanyak 12 tan pertengahan tahun ini.

"Buat masa ini, kami mempunyai sebanyak 295 ekor lembu dan 265 biri-biri namun, keupayaan kawasan ini boleh menempatkan sebanyak 1,200 ekor lembu dan 700 ekor kambing, yang pastinya sedang diusahakan bagi mencapai tahap maksimum ladang ini.

"Usaha membiak baka yang dijalankan ini memberi peluang kepada FELDA mengembangkan perniagaannya kepada sektor penternakan, bagi membolehkan penawaran binatang ternakan yang mempunyai daging berkualiti tinggi dan mangga harumanis terbaik," katanya.



Usaha di tapak berkeluasan 646 hektar mampu menempatkan sebanyak 1,200 ekor lembu dan 700 ekor biri-biri dalam satu-satu masa. Pada masa sama, kami sedang mengusahakan penanaman 2,400 mangga harumanis"

Muhammad Iqbal Ishak,
Pengurus projek

Menerusi projek berkenaan katanya, FELDA menyasarkan menjadi ejen ternakan kepada warga FELDA dan penternak individu, yang mahukan baka binatang ternakan berkualiti.

Beliau berkata, lembu dibiak baka akan dijual untuk pasaran dalam negara, manakala biri-biri pula dipasarkan di selatan tanah air.

Pembiakan lembu, kambing

"Tugas kita di sini lebih kepada pembiakan binatang ternakan terbit diantar ke ladang Fidlot Londah, Negeri Sembilan, bagi proses penggemukkan sebelum ia boleh dipasarkan.

"Begitu juga penanaman Harumanis, kita sebagai pengusaha individu terbesar di Perlis akan meluaskan projek penanaman sebanyak 20 hektar lagi kawasan, bagi membolehkan FELDA menjadi antara penyumbang kepada industri buah itu di negara ini," katanya.

Bagi perancangan tempoh tiga tahun ini, katanya, pihaknya dalam proses mendapatkan dana daripada Kerajaan Persekutuan me-

lalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dijangka diperoleh tahun ini.

"Apabila kita memperoleh dana itu, saya yakin hujung tahun ini ladang terbit akan ditingkatkan kapasiti ternakan, iaitu sebanyak 1,200 lembu dan 700 ekor kambing bagi membolehkan penawaran biak baka bagi keperluan dalam negara dapat dilakukan tiga tahun akan datang.

"Kami juga berharap terdapatnya kerjasama proaktif antara semua agensi kerajaan berkaitan, bagi memastikan projek ini mencapai sasaran kerana ia dilihat mampu memastikan kestabilan bekalan daging negara tanpa perlunya bergantung kepada daging import," katanya.

Muhammad Iqbal juga berkata, pihaknya bercadang mengubah ladang ini kepada konsep pelancongan agro, yang membolehkan orang ramai mengambil peluang kelebihan projek ini.

"Mereka yang berkunjung boleh melakukan pelbagai aktiviti yang pastinya akan memberi pengalaman yang berbeza," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

 LENS A



MUSIM MENUAI TIBA..

PEMILIK kuda, Mohd. Daniel Farhan (kanan) membawa kudanya bersiar-siar di petak sawah yang dipenuhi jerami gulung di Kampung Gelam, Jalan Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah, semalam. Fenomena jerami gulung berwarna keemasan dapat dilihat di sekitar daerah ini berikutan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) melaksanakan program menuai jerami sejak pertengahan bulan lalu bagi mengelakkan pembakaran secara terbuka selain dapat dijadikan sebagai sumber makanan haiwan ternakan. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	BERITA HARIAN	WILAYAH	68

LPP Johor bina pasar raya besar jual produk tani

➔ Kemudahan dibangunkan di kawasan 1.214 hektar dua tahun lagi

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

► Kluang

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Johor akan membina sebuah pasar raya besar yang memasarkan produk hasil tani pada harga berpatutan, di Skudai dalam tempoh dua tahun lagi. Pengerusi LPP, Datuk Mazlan Ali-

man, berkata pasar raya itu akan dibina di atas tanah seluas 1.214 hektar milik LPP Johor, dan perincian mengenai konsepnya sedang dimuktamadkan.

Beliau berkata, apabila pembinaannya siap kelak, orang ramai boleh mendapatkan barangan segar berasaskan hasil tani seperti sayur-sayuran, ikan, daging dan produk hiliran diasaskan anak tempatan.

"Kesempatan ini harus digunakan semua pengusaha hasil pertanian, termasuk mereka yang membekalkan produk hiliran serta industri kecil dan sederhana (IKS) tradisional seperti kerepek dan kuih-muih, supaya ia menjadi bahan utama jualan di pasar raya besar itu nanti.

"Oleh itu, mereka harus menyiapkan semua keperluan yang



Kesempatan ini harus digunakan semua pengusaha hasil pertanian, termasuk mereka yang membekalkan produk hiliran serta industri kecil dan sederhana (IKS) tradisional"

Mazlan Aliman,
Pengerusi LPP

membolehkan produk diusahakan memenuhi piawaian ditetapkan Kementerian Kesihatan sebagai pengesahan ia selamat dimakan.

Cari mekanisme terbaik

"Produk IKS juga perlu ada pengesahan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Program Hari Bertemu Pelanggan LPP Johor dan Perasmian Balai Rakyat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Intan 2, dekat sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Johor, Safidah Abu Samah.

Sementara itu, Mazlan berkata, mekanisme terbaik sedang dikenal pasti untuk membolehkan hasil

tani dijual lebih murah kepada orang ramai berbanding harga pasaran sedia ada.

Beliau berkata, usaha itu turut meneliti konsep membekalkan produk berkenaan secara terus kepada peniaga di pasar tani, namun cara pelaksanaannya masih dalam kajian LPP bagi memastikan keuntungan orang tengah dapat dikurangkan.

Katanya, inisiatif memasarkan hasil tani pada harga lebih rendah itu membabitkan beberapa agensi seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan LPP.

Beliau berkata, LKIM dan FAMA sudah membuat percubaan melalui rangkaian pasar tani di seluruh negara bagi membolehkan produk pertanian, termasuk ikan, ayam dan daging lembu serta kambing, dijual lebih murah.

"Pada akhir bulan depan, giliran LPP pula melakukan percubaan melalui konsep jualan terus kepada pelanggan.

"Diharapkan semua kajian ini nanti akan membolehkan kita mengenal pasti mekanisme terbaik untuk membekalkan hasil tani secara terus kepada peniaga di pasar tani," katanya.

Headline	LPP rancang wujudkan pasar raya		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	26 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	382 cm ²
Journalist	MOHAMAD NORZAHARUDDIN	AdValue	RM 2,676
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,028



LPP rancang wujudkan pasar raya

Pastikan produk pertanian dalam satu bangunan bagi memudahkan pengguna

MOHAMAD NORZAHARUDDIN

KLUANG

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) merancang mewujudkan pasar raya yang menempatkan produk hasil pertanian dan industri asas tani dalam satu bangunan bagi memudahkan pengguna.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Aliman berkata, cadangan itu telah dibentangkan semasa sesi permukiman (retreat) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) dua minggu lalu yang

turut dihadiri Menteri, Datuk Salahuddin Ayub.

“Cadangan masih di peringkat kajian dan konsep awalnya telah dibincangkan kerana kita tidak mahu produk pertanian berada di kawasan kecil sahaja sedangkan realitinya industri ini mempunyai potensi besar.

“Salah satu lokasi yang dikenal pasti adalah di Skudai, Johor kerana kita (LPP) mempunyai tanah lapang seluas 1.2 hektar di kawasan tersebut selain kedudukan strategik kerana berhampiran Singapura dan pemain utama industri lain,” katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan LPP Negeri Johor Bersama Kelab Rukun Tetangga (KRT) Taman Intan 2, semalam.

Menurutnya, pasar raya ini juga melibatkan kerjasama di antara LPP, Fama dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) selain menyasar-



Mazan (tengah) sewaktu Hari Bertemu Pelanggan LPP Negeri Johor Bersama KRT Taman Intan 2, Kluang.

kan dua tahun dari sekarang bagi pastikan hasrat berkenaan dapat dicapai.

Pada masa sama, LPP akan mengadakan perbincangan bersama Agro Bank untuk menjadikan bank tersebut sebagai rakan strategik ahli Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) bagi memastikan industri pertanian dapat dirancarkan.

“Saya ambil contoh kejayaan PPK Kuala Langat di Selangor yang menjadikan Agro Bank ini rakan strategik sehingga saya difahamkan ahli peladang yang disenarai

hitam boleh dijamin PPK untuk buat pinjaman.

“Ini bukan perkara mudah bagi bank, namun disebabkan kejayaan PPK Kuala Langat yang perolehi pendapatan tahunan RM34 juta tahun lalu membuatkan pihak bank sanggup beri pin-

info

- Salah satu lokasi dikenal pasti di Skudai, Johor
- LPP mempunyai tanah lapang seluas 1.2 hektar di kawasan tersebut
- Kedudukan strategik berhampiran Singapura dan pemain utama industri lain

jaman atau geran kepada pengusaha yang telah disenarai hitam,” katanya.

Menurutnya, selain itu, beliau turut menyasarkan jumlah ahli Peladang di 279 PPK di seluruh negara dapat ditingkatkan seramai satu juta pada 2020 berbanding 920,000 ahli tahun ini kerana ramai mula melihat pertanian sebagai industri yang menguntungkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/2/2019	SINAR HARIAN	SETEMPAT	36

Kerbau berkubang rosakkan padi

Lebih 20 petani bukan sahaja rugi tetapi terpaksa tanggung hutang akibat padi rosak

ZUMURNI HAMZAH

MACHANG

Haiwan temakan dibiarkan berkeliaran bukan isu baharu malah seringkali diperkatakan, namun ia seolah-olah tidak pernah selesai apabila ada sahaja masalah yang timbul akibat perkara tersebut.

Malah ada yang menganggapnya sebagai isu remeh biarpun kesannya sangat buruk kepada masyarakat sekitar termasuk mengakibatkan tanaman dan harta benda rosak, kemalangan jalan raya, pertikaian antara masyarakat setempat dan banyak lagi.

Mendakwa lebih 10 tahun dibelenggu masalah kerbau yang merosakkan tanaman di sekitar Kampung Kok Kiak, dekat Bukit Bakar di sini, lebih 20 petani berdepan kerugian apabila haiwan itu dibiarkan lepas bebas.

Ketua Bendang Kok Kiak, Zulkifli Awang, 39 berkata, pesawah di kawasan tersebut terpaksa berdepan kerugian setiap tahun apabila sawah padi mereka menjadi lokasi haiwan tersebut berkubang dan mencari makanan.

Katanya, mereka buntu mencari jalan penyelesaian dalam usaha menangani

perkara itu biarpun telah beberapa kali cuba berbincang dengan penternak haiwan berkenaan.

Tambahnya, sebagai petani, mereka bergantung hidup kepada hasil sawah yang diusahakan, namun apabila padi rosak mereka terpaksa berdepan kerugian yang bukan sedikit malah ada yang terpaksa menanggung hutang.

"Saya dan rakan-rakan pesawah yang lain bergantung sepenuhnya kepada hasil bendang ini bagi menyara keluarga terutamanya anak-anak yang masih kecil namun saban hari, masalah ini makin menghimpit kami.

"Sejak dari awal musim sampailah tiba masa menuai, haiwan ini tidak habis-habis mengganggu tanaman kami. Bukan sahaja pada waktu malam, waktu siang pun mereka masuk ke kawasan sawah," katanya.

Pelbagai usaha dilakukan namun tak berkesan

Petani, Norela Mat Seman, 35 berkata, sawah yang menjadi sumber rezekinya lima beranak sering menjadi tumpuan haiwan tersebut terutamanya pada waktu malam.

Katanya, pelbagai usaha telah dibuat olehnya dan rakan-rakan petani yang lain namun tidak berkesan dan berharap penternak mengambil tindakan dengan mengawal haiwan temakan masing-masing bagi mengelakkan perkara itu.

Tambahnya, haiwan tersebut tidak sepatutnya dibiarkan bebas begitu sahaja memandangkan ia bukan sahaja merosakkan padi tetapi juga tanaman penduduk yang lain



Antara kesan tempat kerbau berkubang menyebabkan tanaman padi musnah.

memandangkan ia melibatkan kumpulan yang besar sekitar 30 ekor.

"Mungkin orang ketawa apabila kami adukan masalah ini, namun bagi kami ia adalah satu isu besar yang mana bukan sahaja merosakkan tanaman tetapi lebih penting adalah sumber rezeki kami.

"Golongan petani seperti kami bergantung hidup kepada hasil padi demi sesuap nasi dan membesarkan anak-anak," keluhnya.

Dalam pada itu, Zawawi Mat Daud, 54 berkata, haiwan tersebut turut merosakkan tanamannya di Bendang Pangkal Durian yang terletak berdekatan Bendang Kok Kiak.

Tambahnya, biarpun tidak melibatkan kumpulan kerbau yang banyak seperti mana di Kampung Kok Kiak namun tetap merosakkan tanaman yang diusahakannya.

Katanya, masalah tersebut berlarutan sejak dua tahun kebelakangan ini dan berharap penternak dan pihak berwajib mengambil tindakan segera bagi menyelesaikannya.

Petani, penternak bincang selesai masalah

Sementara itu, Ketua Jajahan Machang, Ibrahim Bakri Mat Deris berkata, pihaknya memandang serius perkara tersebut dan telah mengambil tindakan proaktif termasuk mengadakan perbincangan bersama petani dan penternak di kawasan itu.

Katanya, dalam masa yang sama, beberapa perancangan telah dibuat termasuk mendaftarkan haiwan-haiwan temakan bagi mengenalpasti pemilik dan pihaknya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan melalui undang-undang sedia ada dalam usaha menangani masalah itu.



Kerbau lepas bebas merosakkan tanaman penduduk.

Haiwan tersebut turut merosakkan tanamannya di Bendang Pangkal Durian yang terletak berdekatan Bendang Kok Kiak.
- Zawawi



ZULKIFLI



Petani berharap isu kerbau berkeliaran lebih 10 tahun dapat ditangani.

Headline	Nanas tuaian emas, ruang pasaran terbuka luas		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	26 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Nanas tuaian emas, ruang pasaran terbuka luas

TUMPUAN: David (kiri) bersama Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah Embas (dua kiri), Menteri Muda Pertanian Dr Abdul Rahman Ismail dan ADUN Serembu, Miro Simuh (kanan) ketika tuaian pertama nanas premium di ladangnya pada Januari lalu. — Gambar...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)